

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISA DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI HUSAIN BIN  
AWANG**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2021 [KHAMIS]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG** Minta Menteri Pengangkutan menyatakan rancangan Kementerian dalam membela nasib dan kebajikan pemandu-pemandu teksi yang terkesan dengan peningkatan penggunaan perkhidmatan e-panggilan (e-hailing) pada waktu ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perkhidmatan Teksi dan e-Hailing ini merupakan perkhidmatan membawa penumpang yang saling melengkapi antara satu sama lain. Namun demikian model operasi bagi kedua perkhidmatan ini adalah berbeza di mana Teksi boleh beroperasi mengambil penumpang secara tahanan tepi jalan mahupun menggunakan aplikasi berdaftar bagi mengambil penumpang. Perkhidmatan e-Hailing pula hanya boleh mengambil penumpang melalui padanan aplikasi yang berdaftar sahaja.

Peningkatan penggunaan perkhidmatan e-hailing pada waktu ini adalah dipengaruhi oleh trend permintaan daripada penumpang. Pelbagai aplikasi yang menawarkan perkhidmatan yang lebih jelas dan mesra pengguna telah dimanfaatkan oleh penumpang bagi urusan pergerakan harian dengan lebih cepat melalui telefon pintar milik masing-masing. Trend permintaan semasa penumpang tersebut telah memberikan persaingan kepada model operasi teksi, akan tetapi persaingan ini haruslah dilihat pada sudut yang positif iaitu untuk memenuhi permintaan penumpang.

Justeru itu, pihak Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia sentiasa menggalakkan pemandu-pemandu teksi agar turut serta memanfaatkan perkembangan teknologi dengan mendaftar dengan mana-mana penyedia aplikasi berdaftar bagi menawarkan perkhidmatan teksi sesuai dengan trend permintaan semasa penumpang di samping sentiasa berusaha meningkatkan tahap perkhidmatan yang lebih berkualiti sama ada dalam aspek kebersihan kenderaan, diri dan komunikasi dengan penumpang dengan lebih berkesan

## SOALAN NO. 43

Pihak Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa berusaha melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk menambahbaik operasi teksi agar seiring dengan perkembangan teknologi dan trend permintaan semasa antaranya; Kenderaan teksi yang berdaftar dengan *e-Hailing Operator* (EHO) tidak dikenakan sebarang caj berbanding kenderaan e-hailing yang lain di mana terdapat caj yang dikenakan oleh EHO kepada pemandu e-hailing. Pihak Kerajaan juga telah memberikan kelonggaran kepada industri teksi untuk membenarkan pelbagai jenama dan model kenderaan yang bersesuaian digunapakai berbanding terhadap kepada kenderaan jenama Proton sahaja sebelum ini. Kelonggaran ini bertujuan merancakkan lagi permintaan penumpang kepada perkhidmatan teksi. Dalam konteks pemeriksaan berkala di PUSPAKOM pula, tempoh pemeriksaan berkala kenderaan teksi yang sebelum diwajibkan setiap enam bulan sekali telah diselaraskan kepada dua belas bulan sekali sama seperti kenderaan e-hailing.

Walaupun segmen perkhidmatan e-hailing telah diwujudkan dan memberikan persaingan kepada segmen perkhidmatan teksi, akan tetapi beberapa keistimewaan kepada teksi masih dikekalkan antaranya seperti bayaran Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau Cukai Jalan pada kadar yang rendah berbanding kenderaan e-hailing yang dikira berdasarkan pada ukuran *cubic capacity* (cc) enjin. Kenderaan teksi masih mendapat kadar pelepasan duti eksais dan kenderaan teksi juga masih dapat menikmati harga yang rendah bagi bayaran tol di mana keistimewaan ini tidak dapat dinikmati pada segmen perkhidmatan e-hailing.